

# Perindustrian berat perlu disegerakan — Dr. M

**SHAH ALAM, Jumaat** — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dukacita kerana para pelabur tempatan memberi sambutan dingin terhadap usaha mewujudkan perindustrian berat di negara ini.

"Saya merasa kurang senang kerana usaha ini tidak menerima sambutan menggalakkan. Kita perlu mempercepatkan kewujudan perindustrian berat di Malaysia," katanya kepada para pemberita selepas melawat kilang United Motor Works (Malaysia) Holdings Berhad, di sini

hari ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir telah beberapa kali menyuarakan bahawa penubuhan perindustrian berat merupakan salah satu strategi pembangunan perindustrian Malaysia di tahun-tahun 80an ini.

Memandangkan keinginannya sambutan pihak swasta terhadap usaha ini, kata Datuk Seri Dr. Mahathir lagi, Kerajaan mungkin memainkan peranannya menerusi Perbadanan Perindustrian Berat (HIC) yang akan ditubuhkan tidak lama lagi.

Dalam konteks ini, HIC akan menceburkan diri dalam perindustrian berat menerusi usaha bersama dengan firma-firma tempatan dan luar negeri.

Penubuhan HIC diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri pertengahan bulan lalu. Ianya bertujuan menyelaraskan projek perindustrian berat yang dirangka dan dilaksanakan di Malaysia.

HIC mempunyai modal permulaan \$100 juta dan satu rang undang-undang untuk penubuhannya kini sedang dikaji oleh pihak Kabinet. Rang undang-undang tersebut dijangka dibentangkan di Parlimen Jun ini.

Antara projek-projek yang dirancang ialah kilang pelebur timah, petro kimia dan kilang mengeluarkan enjin-enjin kecil.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian, bagaimanapun, merasa

puas hati dengan prestasi UMW yang banyak menggunakan bahan-bahan tempatan untuk barang keluarannya.

Bellau juga gembira kerana syarikat tersebut telah menyahut seruan Kerajaan yang selaras dengan Dasar Ekonomi Baru, khususnya di bidang pengambilan kakitangan dan pembahagian ekuiti.

Bagaimanapun, menerusi tinjauan *Berita Harian*, hari ini, syarikat tersebut didapati masih belum sepenuhnya mematuhi DEB, khususnya di segi pengambilan kakitangan.

## Kakitangan

Sebilangan besar kakitangan pengurusan serta pekerja kilang syarikat tersebut adalah bukan Bumiputra. Gadis-gadis Melayu hanya ramai di bahagian-kilang pengeluar saring udara dan minyak kenderaannya.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga merasa puas hati dengan usaha UMW yang membaiki jentera-jentera berat untuk pembangunan dan menjualkannya semula dengan prestasi seperti jentera baru, dengan harga yang rendah.

"Usaha ini bukan sahaja menyelamatkan pertukaran matawang asing tapi menolong pengguna jentera berat membelinya dengan harga yang lebih rendah," tegas Timbalan Perdana Menteri.

Kerajaan, katanya, ingin melihat lebih banyak syarikat mengikut jejak langkah UMW itu.

Sebelum menemui para pemberita, Datuk Seri Dr. Mahathir serta isterinya Datin Seri Dr. Siti Hasmah dibawa melawat ke beberapa bahagian kilang syarikat tersebut.

Datin Seri Dr. Siti Hasmah juga menerima cek \$5,000 sebagai derma syarikat itu kepada tabung Persatuan Orang-Orang Buta Malaysia.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia